

04 MAR 2003

Mahathir-OIC

PM HARAP OIC CAPAI KATA SEPAKAT MENGENAI IRAQ DAN PALESTIN

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyuarakan harapan agar mesyuarat tergempar Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Qatar akan dapat bersatu membuat pendirian menentang perang ke atas Iraq dan menyelamatkan Palestin.

"Saya harap semuanya bersatu untuk membuat pendirian menentang serangan ke atas Iraq dan menyelamatkan Palestin," kata Perdana Menteri hari ini.

Beliau berkata demikian kepada pemberita di Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) Subang di sini sejurus sebelum berlepas ke Doha untuk menghadiri mesyuarat tergempar dua hari itu yang bermula hari ini.

Ketika ditanya sama ada cadangan mesyuarat tidak rasmi OIC di Kuala Lumpur baru-baru ini untuk menjadikan minyak sebagai senjata bagi keamanan akan dibincangkan di Doha, Perdana Menteri berkata: "Saya tidak fikir begitu."

Pada mesyuarat tidak rasmi yang dihadiri 51 daripada 57 anggota OIC itu, mereka bersetuju untuk mengkaji kemungkinan menggunakan minyak sebagai senjata untuk menghalang peperangan.

Amerika Syarikat dan sekutunya telah mengancam untuk menyerang Iraq atas dakwaan negara itu memiliki senjata pemusnah besar-besaran. Iraq menafikan dakwaan itu.

Ditanya mengenai keengganan Turki untuk membenarkan Amerika Syarikat menggunakan pangkalannya untuk menyerang Iraq, Perdana Menteri berkata beliau tidak dapat menyangka apa yang bakal dilakukan oleh Amerika Syarikat nanti.

"Mana kita nak ambil tahu apa Amerika nak buat. Dia kuasa besar, dia ada tentera di Kuwait, Qatar dan Arab Saudi. Kalau tak bagi dia guna, kita tak tahulah macam mana dia nak buat," katanya.

Dr Mahathir berkata cadangan supaya Presiden Iraq Saddam Hussein meletakkan jawatan sebagai usaha mengelak peperangan adalah tidak wajar.

"Saya tidak fikir mana-mana orang yang menghargai dirinya akan berbuat demikian, jadi kita nak suruh orang letak jawatan, susahlah," katanya.

Pada sidang media selepas mempengerusikan sidang tidak rasmi OIC minggu lepas, Perdana Menteri berkata hanya rakyat Iraq yang patut diberikan hak memilih pemimpinnya dan hak itu tidak sepatutnya ditentukan oleh kuasa luar.

-- BERNAMA

AZH KHY RHM